



MAHU TERUS PERTINGKAT DIRI: Disebabkan mahukan kerja stabil, Encik Imann mengambil keputusan menyertai Program Penukaran Profesional (PCP) dalam teknologi infokom (ICT).

Penganalisis data tidak takut pada perubahan kerana mahu kerja stabil

APABILA syarikat lamanya dibeli pihak lain, Encik Imann Kurniawan Salim hilang pekerjaannya sebagai pedagang kanan.

Beliau kemudian membangunkan sistem perdagangan dan bekerja sendiri selama sekitar tiga tahun.

Namun, Encik Imann mahukan kerja yang stabil.

Ini mendorong beliau mengambil keputusan menyertai Program Penukaran Profesional (PCP) dalam teknologi infokom (ICT).

Menerusi program itu, beliau mendapat pekerjaan sebagai penganalisis data di firma teknologi kewangan GoBear sejak Mac lalu.

“Sebelum ini saya menganalisis data kewangan, harga saham, syarikat dan sebagainya untuk mendapatkan wawasan dan membuat keputusan.

“Kini, saya menganalisis data juga tetapi ia berbeza. Ia lebih kepada ‘data trafik’ bagi memberi wawasan kepada Ketua Pegawai Kewangan (CFO) dan rakan sekerja,” kata beliau.

Encik Imann, 41 tahun, mendapatkan maklumat mengenai PCP itu menerusi laman Tenaga Kerja Singapura (WSG).

Sebagai sebahagian daripada PCP itu, beliau menjalani pengajian

di Institut Sistem Sains (ISS), Universiti Nasional Singapura (NUS) selama sebulan.

Di situ, beliau menyertai lima kursus, termasuk analitik pelanggan dan analitik ramalan, dan menduduki ujian setiap hari.

Selepas tempoh pengajian itu, beliau mula bekerja di syarikat-GoBear, dengan dibimbing seorang saintis data.

“Saya perlu belajar dengan pantas. Graf pembelajarannya amat pendek dan curam.

“Masa itu paling berharga. Saya perlu belajar banyak perkara baru seperti koding, pemrograman, analisis sains data, menggunakan alat dan pakej sofwe baru dan sebagainya,” kata beliau.

Encik Imann berkata apa yang beliau lakukan dalam pekerjaan kini hanya pada permukaannya saja dan beliau mahu terus mendalami pengetahuannya supaya dapat memberi yang terbaik dalam tugas beliau.

Memberi nasihat kepada mereka yang sedang membuat pertimbangan menukar kerjaya, beliau berkata:

“Perkara yang hanya tetap adalah perubahan. Oleh itu, anda perlu sentiasa meraih pengetahuan baru dalam hidup. Jangan rasa takut dengan perubahan.”